

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4/3/2012

MUKA 2 • MINGGUAN MALAYSIA

## Dalam Negeri

# Negara hancur jika pemimpin tidak peka kehendak rakyat

uul-4/3/2012

KUALA LUMPUR 3 Mac - Mana-mana negara bakal berdepan dengan 'kehancuran' jika pemimpin tertinggi di sesebuah negara itu tidak peka terhadap kehendak rakyat.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ia terbukti dengan apa yang berlaku di beberapa buah negara Arab apabila rakyatnya bertindak menentang kerajaan.

Jelasnya, kehendak rakyat yang perlu diutamakan adalah soal pekerjaan bagi membolehkan mereka mendapat sumber pendapatan untuk kestabilan hidup.

"Bidang pertanian tidak mampu mencipta banyak peluang pekerjaan berbanding industri. Secara matematikanya, satu hektar tanah untuk pertanian hanya mampu menyoy-

kong kehidupan seorang tetapi tanah itu boleh menempatkan sebuah kilang dengan 500 pekerja.

"Sebab itulah Malaysia memilih menjadi negara industri. Selain mencipta banyak peluang pekerjaan, sektor industri membolehkan seseorang itu terlatih dalam sektor pembuatan.

"Lama kelamaan, kebergantungan kepada pelaburan langsung asing (FDI) akan dapat dikurangkan memandangkan rakyat tempatan memperoleh modal dan latihan mencukupi untuk memulakan perusahaan sendiri," katanya.

Beliau berucap pada Forum Pemikir



DR. MAHATHIR

Negara-Negara Anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Ketiga di Baku, Azerbaijan, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, kebanyakan negara pengeluar minyak ketika ini tidak boleh dilabelkan sebagai negara membangun dan ia bukan bergantung kepada pendapatan per kapita yang tinggi semata-mata.

Ujarnya, negara membangun seharusnya memiliki infrastruktur, pekerja terlatih dan berpendidikan serta teknologi dan kapasiti industri yang baik.

"Oleh itu, peranan pemimpin penting bagi menjayakan wawasan sesebuah negara. Namun, wa-

lupun negara itu ada potensi untuk berkembang, pemimpin yang tiada 'jiwa' akan menyebabkan negara tersebut gagal.

"Kita perlu lihat bagaimana pengalaman yang dilalui China. Mao Tse Tung adalah pemimpin gerila yang membentuk Republik Rakyat China. Bagaimanapun, ideologi komunis yang dibawanya telah membuatkan China jauh ke belakang.

"Tetapi, penggantinya iaitu Deng Xiaopeng cukup pragmatis dan mahukan China terus berkembang. Hasilnya, cuba kita lihat China ketika ini. Kira-kira 20 tahun lalu ia hanyalah sebuah negara mundur tetapi kini negara kuasa ekonomi kedua terbesar dunia," tegasnya.

Atas dasar itu, katanya, seseorang pemimpin memainkan pera-

nan penting dalam membangunkan negara dan mereka perlu memiliki kesungguhan menjadi pemimpin.

Pemimpin itu juga kata beliau, perlu mendekati secara langsung apa jua wawasan yang ditetapkan selain perlu mempunyai pengetahuan dalam pengurusan, polisi, kewangan serta perdagangan.

"Pemimpin itu mesti selalu turun padang. Ini akan membuatkan orang yang melaksanakan wawasannya bermotivasi. Menteri-menterinya juga perlu lakukan perkara sama.

"Mempunyai wawasan untuk pembangunan itu penting tetapi kalau ada wawasan sahaja tidak mencukupi. Perlu ada pengetahuan yang mencukupi tentang bagaimana wawasan itu hendak dilaksanakan," jelasnya.